

**Manifestasi Nilai Islam melalui Amalan Kesepaduan Sosial dalam
kalangan Pelajar Universiti**

*Manifestation of Islamic Values through the Practice of Social Cohesion
among University Students*

Ismail, I. L. M.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-5648560 E-mel: ismarhani@umt.edu.my

Aziz, H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6017-9156434 E-mel: hamdan.aziz@umt.edu.my

Embong, A. H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-7395195 E-mel: hanis.embong@umt.edu.my

Mutalib, N. A. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-4517098 E-mel: najihah.mutalib@umt.edu.my

Abdul Azziz, M. S.

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6013-9846973 E-mel: shamshinor@um.edu.my

Chua, N. A.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6017-9685986 E-mel: ain.chua@umt.edu.my

Mokhtar, W. K. A. W.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +60148228671 E-mel: wkhairulaiman@unisza.edu.my

Alias, N. D. F.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-2790339 E-mel: durrahfarahi@umt.edu.my

Md Nordin, M. F.

Riada Enterprise, Taman Mewah Indah, 31000 Batu Gajah, Perak, Malaysia

Tel: +6019-5651211 E-mel: riadaentg1@gmail.com

Abstrak

Kesepaduan sosial di Malaysia merujuk kepada satu tahap sebelum perpaduan sebenar dapat dicapai. Walaupun kesepaduan sosial memperlihatkan keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera namun masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial termasuklah di institusi pendidikan tinggi. Kajian mendapati kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti berada pada tahap sederhana disebabkan interaksi antara pelajar kebiasaannya berlaku dengan rakan dalam kelompok etnik yang sama dan situasi ini telah mewujudkan polarisasi dalam kalangan pelajar. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan kesepaduan sosial yang terbentuk hasil daripada interaksi dalam kalangan pelajar universiti serta menyuaipadankan amalan tersebut dengan nilai-nilai Islam. Pengumpulan data menggunakan kaedah soal selidik melibatkan pelajar tahun 1 di Universiti Malaysia Terengganu yang mengikuti Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban pada semester II 2023/2024, selain menggunakan data sekunder berbentuk kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati elemen keakraban, kerjasama dan toleransi adalah amalan kesepaduan sosial yang terbentuk melalui interaksi dalam kalangan pelajar universiti dan ia adalah sinonim dengan nilai *ukhuwah*, *taawun* dan *tasammuh* dalam Islam. Amalan kesepaduan sosial yang selari dengan nilai-nilai Islam ini berperanan menjadi nilai sepunya untuk memperkukuhkan hubungan serta perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.

Kata kunci: Perpaduan; Kesepaduan sosial; Kerjasama; Toleransi; Pelajar universiti

Abstract

Social cohesion in Malaysia is a stage before unity in real terms can be achieved.

*Although social cohesion is a peaceful, stable, and prosperous situation, there are still differences in social deficits, including in higher education institutions. The study found that social cohesion among university students was moderate due to interactions between students, usually with friends in the same ethnic group, creating polarization among students. Therefore, this article aims to identify the practices of social cohesion reflected through interaction among university students and align those practices with Islamic values. Data collection uses a questionnaire method involving 1st-year students of Universiti Malaysia Terengganu who enrolled in the Appreciation of Ethics and Civilization Course in semester II, 2023/2024, in addition to the use of secondary data in the form of library research. The study found that practices of brotherhood, cooperation, and tolerance reflected through interaction among university students are synonymous with the values of *ukhuwah*, *taawun*, and *tasammuh* in Islam. The practices of social cohesion that align with Islamic values play a common role in strengthening relationships and unity among multicultural communities in Malaysia.*

Keywords: *Unity; Social cohesion; Cooperation; Tolerance; University student*

Pengenalan

Sejarah pembentukan masyarakat Malaysia menunjukkan bahawa kepelbagaian etnik, agama, dan budaya telah lama menjadi ciri penting negara ini. Kesepaduan sosial adalah konsep yang sangat berkait dengan kestabilan, keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Kepelbagaian ini memerlukan adanya mekanisme sosial yang dapat memastikan interaksi harmoni

dan kerjasama antara pelbagai etnik, agama, dan kumpulan sosial di setiap lapisan masyarakat. Sejak era penjajahan, pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk menyatukan masyarakat dengan latar belakang berbeza ini. Selepas kemerdekaan, pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Negara, dan konsep 1Malaysia telah diperkenalkan untuk membina kesepaduan sosial dan menggalakkan perpaduan nasional.

Sehubungan itu, kesepaduan sosial adalah satu tahap penting yang perlu dilalui oleh masyarakat Malaysia sebelum mencapai perpaduan (Baharuddin, 2013). Ini bermakna, sebelum perpaduan sepenuhnya wujud, masyarakat di negara ini sudah pun menjalinkan kerjasama antara etnik dan kumpulan, berkongsi aktiviti budaya, saling meminjam elemen budaya masing-masing, serta menikmati pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup pada tahap sederhana hingga tinggi selama lebih 60 tahun sejak tahun 1970.

Menurut Baharuddin (2014), kesepaduan sosial merujuk kepada suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik, kerana wujudnya kesepakatan sosial (*social bonding*) yang kuat yang terbina untuk sekian lamanya. Fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan seterusnya mempengaruhi pula para anggota masyarakat tersebut untuk merangkai pelbagai ikhtiar dan kegiatan yang mereka anggap sebagai prasyarat mencapai perpaduan tersebut. Himpunan usaha ini sering tanpa disedari telah membawa keamanan, keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat tetapi belum membawakan perpaduan idaman. Menurut beliau lagi, kesepaduan sosial bertiangserikan perundingan, tolak ansur dan persetujuan antara pelbagai kelompok

sosial berbeza biarpun setiapnya bebas untuk menyuarakan kepentingan masing-masing (Baharuddin, 2011).

Justeru itu, Indeks Perpaduan Nasional (IPNas 2018) telah diperkenalkan untuk menilai tahap perpaduan di Malaysia. Indeks ini berasaskan tiga teras utama iaitu penyatupaduan (proses yang dijalankan), kesepaduan (hasil yang dicapai), dan perpaduan (matlamat yang diinginkan). Dapatan menunjukkan nilai keseluruhan IPNas bagi tahun 2022 adalah 0.629 yang dianggap sederhana tinggi pada skala 0 hingga 1 (Portal rasmi Kementerian Perpaduan Negara). Nilai ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia bagi tahun 2022 adalah sederhana dan terkawal. Skor pada IPNas 2022 ini adalah lebih baik kerana meningkat sebanyak 0.062 mata berbanding IPNas 2018 iaitu 0.567.

Selain itu, Rahman et al. (2023) dalam kajiannya ke atas 101 orang responden terdiri daripada rakyat Malaysia pelbagai latar belakang mendapati hanya 20.4 peratus menyatakan sangat setuju dan 36.7 peratus pula bersetuju bahawa tahap kesepaduan di Malaysia adalah tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sehubungan itu, kajian ini menyimpulkan bahawa dari segi realitinya tahap kesepaduan masyarakat antara kaum di negara ini masih belum memenuhi harapan rakyat Malaysia yang tinggi untuk melihat kehidupan masyarakat pelbagai yang harmoni dan stabil. Sehubungan itu, meskipun tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sederhana tinggi, terdapat jurang sosial seperti etnik, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, perbezaan generasi, gender, politik, perbezaan bandar-desa, dan pengaruh media yang masih muncul dalam masyarakat dari semasa ke semasa.

Rentetan itu, pelbagai kajian turut dijalankan berkaitan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini kerana universiti sebagai institusi pendidikan tinggi berperanan penting dalam membentuk nilai, sikap dan tingkah laku pelajar. Universiti turut berperanan dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar dengan menyediakan persekitaran yang kondusif di mana pelajar dari pelbagai latar belakang etnik, agama, dan budaya dapat berinteraksi dan bekerjasama. Sehubungan itu, kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti telah dibincangkan dari pelbagai dimensi. Misalnya, kajian dijalankan oleh Ahmad (2015) ke atas pelajar Universiti Putra Malaysia dan kajian Muslim et al. (2016) ke atas pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia telah melihat persepsi pelajar universiti ke atas hubungan etnik di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar adalah positif. Malah, para pelajar dapat menerima keadaan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia yang hidup secara harmoni serta kepelbagaian etnik, agama dan bahasa ini berupaya menyatupadukan rakyat Malaysia.

Walaupun begitu, interaksi dan hubungan etnik dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (Ab Rahman et al., 2011; Mohd Said et al., 2012) menunjukkan berada pada tahap sederhana. Walaupun peluang berinteraksi di kampus seperti tinggal di tempat yang sama, makan di kantin bersama serta terlibat sama dengan kegiatan pelajar tidak banyak mendorong pelajar tersebut untuk berhubung dan bergaul dengan lebih luas merentas garis etnik. Hal ini menunjukkan masih terdapat kelompangan pada hubungan dalam kalangan pelajar universiti apabila pola interaksi pelajar di universiti kebiasaannya berlaku dengan rakan dalam kelompok etnik yang sama kerana

dipengaruhi oleh faktor perbezaan agama dan budaya. Ahmad (2015) menjelaskan bahawa interaksi dan sosialisasi merentas etnik dalam kalangan pelajar terbatas kepada keperluan harian (*on daily basis*) dan perkara akademik sahaja.

Sehubungan itu, bagi mengatasi isu polarisasi dalam kalangan pelajar universiti, Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sebagai kursus wajib universiti. Kursus ini berperanan sebagai medium untuk mempereratkan dan mengukuhkan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Abdullah et al. (2022) dalam kajiannya mengenalpasti keberkesanan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM. Dapatan kajian menunjukkan kursus ini bersifat dinamik dan anjal serta mempunyai peranan tersendiri dalam memupuk kesepaduan kaum khususnya kerana ia menggalakkan pelajar berfikir kreatif dan kritis dalam membincangkan isu-isu semasa dalam konteks kesepaduan sosial serta dapat membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik berasaskan nilai-nilai di murni di Malaysia. Malah, kajian Md Saad (2021) mendapati tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus ini juga adalah sangat tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kursus Penghayatan Etika dan Peradaban berperanan sebagai platform yang baik kepada pelajar bukan sahaja untuk menambah ilmu pengetahuan serta pemahaman terhadap konsep kesepaduan sosial malah dapat menyemai dan memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti.

Justeru, makalah ini bertujuan mengenalpasti amalan kesepaduan sosial yang terbentuk hasil interaksi dalam kalangan pelajar universiti serta

menyuaipadankan amalan kesepaduan sosial tersebut dengan nilai-nilai Islam. Hal ini kerana Islam merupakan agama Persekutuan Malaysia serta majoriti penduduk Malaysia merupakan penganut agama Islam. Sehubungan itu, nilai-nilai Islam sering diterapkan dalam kehidupan seharian majoriti rakyat Malaysia. Amalan kesepaduan sosial yang selari dengan nilai-nilai Islam ini berperanan sebagai nilai sepunya yang berupaya mewujudkan suasana sosial yang harmoni dalam pembelajaran di universiti serta memperkukuhkan hubungan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan bertujuan mengenalpasti amalan kesepaduan sosial yang terbentuk hasil daripada interaksi dalam kalangan pelajar universiti serta menyuaipadankan elemen tersebut dengan nilai-nilai Islam. Menurut Ibrahim (2017), kajian tinjauan sesuai dijalankan kerana norma kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas umum terhadap sesuatu isu atau meninjau sesuatu persepsi daripada kumpulan yang ramai ahlinya.

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A adalah demografi responden dan bahagian B adalah berkait dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Responden dipilih berdasarkan persampelan bertujuan melibatkan pelajar tahun 1 Universiti Malaysia Terengganu yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi semester II sesi pengajian 2023/2024. Ibrahim (2017) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan membolehkan penyelidik


memilih sampel yang dipercayai boleh membekalkan maklumat yang diperlukan. Pemilihan pelajar yang mengikuti kursus ini sebagai responden kajian bertepatan dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan kursus ini sebagai medium untuk mempereratkan dan mengukuhkan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif.

Selain data yang diperolehi daripada soal selidik, data sekunder berbentuk sumber kepustakaan seperti artikel jurnal, buku dan kertas seminar turut digunakan untuk mengenalpasti nilai-nilai Islam yang selari dengan amalan kesepaduan sosial. Dapatan daripada sumber kepustakaan ini disuaipadan untuk menyokong amalan kesepaduan sosial yang telah dikenalpasti melalui dapatan soal selidik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Demografi Responden


Soal selidik ini melibatkan 809 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun 1 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi semester II 2023/2024 melibatkan pelajar lelaki seramai 216 orang atau 25.7 peratus dan seramai 593 orang atau 73.3 peratus pula adalah pelajar perempuan. Berdasarkan Rajah 1, daripada keseluruhan 809 orang responden, responden yang paling ramai adalah pelajar daripada Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) iaitu seramai 538 orang atau 66.5 peratus diikuti pelajar daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK) iaitu seramai 146 orang atau 18.05 peratus dan pelajar daripada Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) iaitu seramai 125 orang atau 15.45 peratus.



Rajah 1: Jumlah responden mengikut fakulti pengajian

Rajah 2 merujuk kepada komposisi etnik yang mewakili keseluruhan jumlah responden yang terlibat. Dapatan menunjukkan 82.3 peratus responden terdiri daripada pelajar Melayu iaitu sebanyak 666 orang diikuti oleh pelajar

Cina sebanyak 7.3 peratus iaitu seramai 59 orang, 4.7 peratus atau seramai 38 orang pelajar India, dan selebihnya adalah 5.7 peratus atau seramai 46 orang pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak.



Rajah 2: Jumlah responden mengikut etnik


Penawaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di UMT adalah berdasarkan skema program pengajian yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing menyebabkan jumlah responden tidak seimbang. Selain itu, jumlah responden perempuan lebih besar berbanding responden lelaki serta jumlah responden berdasarkan etnik juga turut menunjukkan majoriti responden adalah dalam kalangan etnik Melayu. Walaupun begitu, melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban

ini pelajar mempunyai ruang dan peluang untuk berinteraksi dan bergaul dengan rakan-rakan yang berbeza latar belakang terutama semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung serta penglibatan dalam pelaksanaan tugas kursus.

Amalan Kesepaduan Sosial dalam kalangan Pelajar Universiti

Berdasarkan dapatan soal selidik, perbincangan akan berfokus kepada dapatan berkaitan amalan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar melalui yang dikenalpasti melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Amalan kesepaduan sosial pertama yang dikenalpasti adalah keakraban yang tercipta hasil interaksi dan pergaulan antara pelbagai etnik ketika bersama-sama mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Malah, keakraban yang terbina turut


mencetuskan rasa persaudaraan dalam kalangan pelajar berbeza latarbelakang ini. Rajah 3 menunjukkan bahawa seramai 447 orang responden atau 52.8 peratus sangat bersetuju diikuti 339 orang responden atau 41.9 peratus bersetuju dan baki 43 orang responden atau 5.3 peratus kurang pasti bagi pernyataan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dapat mewujudkan interaksi dan menyemai pergaulan serta keakraban antara pelbagai kaum dalam kalangan pelajar.



Rajah 3: Interaksi dan pergaulan antara pelbagai kaum

Rajah 4 memperlihatkan sikap toleransi dalam melakukan perbincangan secara berkumpulan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi amalan kedua yang menggambarkan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. Perbincangan berkaitan isu-isu semasa di Malaysia menjadi topik perbincangan secara berkumpulan bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Perbincangan sebegini sering mengundang kepada perbezaan pendapat dalam kalangan ahli kumpulan lebih-lebih lagi apabila berbeza


latar belakang, namun toleransi yang ditunjukkan dalam kalangan pelajar dalam menangani perbezaan yang wujud membolehkan perbincangan berjalan dengan baik dan membuahkan hasil seperti yang dikehendaki. Dapatan turut menunjukkan bahawa seramai 468 orang responden atau 57.8 peratus sangat bersetuju manakala 301 orang responden atau 37.2 peratus bersetuju dan baki 40 orang responden atau 5 peratus kurang pasti dengan pernyataan bahawa perbincangan secara berkumpulan dapat memupuk sikap toleransi dalam kalangan pelajar.



Rajah 4: Sikap toleransi dalam kalangan pelajar

Amalan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar yang ketiga dikenalpasti adalah elemen kerjasama dalam melakukan tugas atau kerja lapangan berkumpulan. Dapatan pada Rajah 5 menunjukkan bahawa seramai 464 orang responden atau 57.4 peratus sangat bersetuju manakala 308

orang responden atau 38.1 peratus bersetuju dan baki 37 orang responden atau 4.6 peratus kurang pasti dengan pernyataan bahawa tugas atau kerja lapangan secara berkumpulan dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan rakan sekumpulan.



Rajah 5: Semangat kerjasama dalam kalangan rakan sekumpulan

Dapatan di atas menunjukkan bahawa tiga amalan yang terjelma dalam interaksi dan penglibatan pelajar melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban merupakan antara amalan kesepaduan sosial yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar universiti.

Manifestasi Nilai Islam dalam Amalan Kesepaduan Sosial

Islam menganjurkan kepentingan hidup dalam harmoni, dan ini dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-

kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)". (Surah al-Hujurat 49:13)

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia diciptakan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku untuk saling mengenal dan menghormati. Sehubungan itu, dalam memastikan hubungan antara sesama manusia terpelihara, Islam meletakkan beberapa nilai meliputi ukhuwah, tasammuh dan *taawun* sebagai asas-asas dalam membentuk hubungan sosial bertujuan memelihara keharmonian dalam hubungan kemasyarakatan sesebuah masyarakat Islam mahupun bukan Islam (Mohamad Rohana et al., 2017)

Sehubungan itu, kesepaduan sosial yang menekankan kepentingan persaudaraan, konsep toleransi dan kerjasama dalam membina hubungan yang harmoni dalam kalangan anggota masyarakat yang berbeza latar belakang agama, kaum, atau budaya ini adalah selari dengan nilai-nilai Islam seperti *ukhuwah*, *tasamuh* dan *taawun*. Manifestasi nilai-nilai Islam ini dapat dilihat dalam amalan kesepaduan sosial dalam interaksi pelajar yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Nilai-nilai ini Islam dilihat bersesuaian dengan kerangka etika dan peradaban di Malaysia yang wajar diterapkan dan dijadikan contoh dan ikutan pelajar universiti serta golongan muda masa kini.

Ukhuwah

Ukhuwah dalam Islam merujuk kepada hubungan persaudaraan yang terjalin antara umat Islam atas dasar iman dan aqidah. *Ukhuwah* adalah satu bentuk ikatan yang

diasaskan pada nilai-nilai kasih sayang, saling hormat menghormati dan tolong-menolong sesama manusia dalam kebaikan. Persaudaraan ini tidak hanya terbatas kepada hubungan darah tetapi konsep *ukhuwah* dalam Islam juga menekankan pentingnya membina hubungan persaudaraan yang kukuh dan erat sesama Muslim dan juga dengan individu-individu dari agama lain (Marhaban, 2019; Nur Apriyani et al., 2024; Hanafi, 2024).

Ukhuwah adalah prinsip yang sangat dititikberatkan dalam Islam, yang menyeru umatnya untuk memupuk hubungan yang erat antara satu sama lain. Dalam kalangan pelajar universiti, mereka yang memahami konsep *ukhuwah* Islamiah lebih cenderung untuk menyokong rakan-rakan mereka, terutama dalam menghadapi tekanan akademik dan cabaran peribadi. Persaudaraan ini sering dilihat dalam bentuk sokongan emosi, bantuan akademik, dan kerja berpasukan.

Pembentukan nilai *ukhuwah* dalam kalangan pelajar universiti ditonjolkan melalui pelbagai amalan dan aktiviti yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sikap saling menyokong dalam aspek pembelajaran. Pelajar yang menghadapi cabaran dalam pelajaran boleh dibantu oleh rakan-rakan yang lain, dan ini akan mengeratkan hubungan sesama mereka. Selain itu, pembentukan kumpulan belajar (*study group*) untuk saling berkongsi pengetahuan dan bahan pembelajaran, supaya semua pelajar dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai kursus serta mengadakan sesi perbincangan di luar kelas di mana pelajar boleh bertukar pandangan dan idea mengenai subjek yang dipelajari. Malah, bantuan kewangan dan sokongan emosi juga turut dihulurkan apabila terdapat rakan-rakan yang berhadapan

dengan masalah peribadi berkait dengan keluarga mahupun hal ehwal kewangan.

Ukhuwah berfungsi sebagai asas untuk membina persekitaran yang inklusif dan harmoni di kampus. Malah, prinsip *ukhuwah* dapat membantu mengukuhkan kesepaduan sosial, di mana pelajar saling menghormati dan bekerjasama serta menggalakkan persaudaraan sejagat dan membantu merapatkan jurang antara pelajar dari latar belakang yang berbeza.

Ta`awun

Ta`awun berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud kerjasama atau tolong-menolong. Dalam konteks Islam, *taawun* merujuk kepada sikap bantu-membantu antara sesama manusia dalam perkara-perkara kebaikan dan kebajikan (Mazlan et al., 2018). Ia merupakan prinsip asas dalam kehidupan bermasyarakat yang dianjurkan dalam Al-Quran yang bermaksud “Dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan.” (Surah Al-Maidah, 5:2)

Prinsip *ta'awun* merujuk kepada konsep tolong-menolong dan bekerjasama dalam kalangan ahli masyarakat dalam pelbagai bentuk seperti tenaga, masa dan harta. Kerjasama yang berlaku bukan hanya dalam kalangan sesama agama dan etnik tetapi merentasi batasan sempadan agama dan etnik serta meliputi pelbagai konteks dalam kehidupan bermasyarakat (Syh Noorul Syed Husin et al., 2020; Mohd Ghazali et al., 2022; Mhd Sarif et al., 2022; Sintang, 2024)

Nilai *ta`awun* dalam konteks pelajar yang mengikut kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sering dipamerkan melalui tugas kursus yang memerlukan pelajar bekerja dalam kumpulan. Untuk memastikan tugas diselesaikan dengan

baik, pelajar perlu membahagikan tugas dengan adil, supaya semua ahli kumpulan dapat menyumbang mengikut kemampuan mereka. Selain itu, bekerja dalam kumpulan juga perlu memastikan tiada ahli yang terpinggir atau terbeban dengan kerja yang tidak seimbang serta mencari jalan untuk menyelesaikan masalah bersama, bukannya menuding jari atau membiarkan rakan sepasukan menghadapi cabaran sendirian. Melalui amalan bantu-membantu dalam pelbagai aspek seperti akademik, sosial, dan kebajikan, pelajar dapat mewujudkan suasana harmoni yang memupuk perpaduan serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat kampus. Malah, amalan *ta`awun* atau kerjasama dalam kalangan pelajar dapat membantu membentuk pelajar yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan prihatin terhadap masyarakat.

Sehubungan itu, pelajar yang mengamalkan nilai *ta'awun* ini sering kali menunjukkan sikap saling membantu dan cenderung untuk bekerjasama dalam konteks akademik dan sosial. Prinsip tolong-menolong dan bekerjasama ini menggalakkan hubungan yang lebih rapat dan positif antara pelajar. Melalui prinsip ini, pelajar bukan sahaja membantu rakan mereka yang menghadapi kesukaran tetapi juga menggalakkan suasana harmoni yang dipenuhi dengan saling mempercayai. Amalan *ta'awun* membantu mengurangkan rasa terasing dalam kalangan pelajar, terutamanya mereka yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan atau dari latar belakang yang berbeza. Sikap membantu dan bekerjasama dalam kalangan pelajar ini dapat membina jaringan sokongan yang lebih kuat di kampus yang akhirnya memperkukuhkan kesepaduan sosial.

Tasammuh

Tasamuh berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud toleransi atau sikap bertolak ansur. Dalam konteks Islam, *tasamuh* merujuk kepada sikap menerima perbezaan dan menghormati pandangan, budaya, dan kepercayaan orang lain. Ia melibatkan keterbukaan hati dan minda terhadap kepelbagaian serta usaha untuk mewujudkan hubungan yang harmoni tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asas agama (Abdul Ghani et al., 2020; Nawawi, 2023; Mutaqin et al., 2023). Ajaran *tasamuh* digalakkan dalam Islam, sebagaimana firman Allah yang bermaksud “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa.” (Surah al-Hujurat, 49:13)

Islam mengajar umatnya untuk menghormati kepelbagaian dan perbezaan sebagai sebahagian daripada fitrah manusia. Islam menggalakkan toleransi terhadap perbezaan agama dan budaya, dan ini merupakan elemen penting dalam membina masyarakat yang inklusif dan harmoni. Dalam konteks kampus yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama, prinsip *tasammuh* sangat penting untuk mengurangkan ketegangan dan konflik yang mungkin timbul akibat perbezaan kepercayaan. Melalui pendekatan ini, pelajar dapat mengekalkan hubungan yang harmoni, yang mana perbezaan dilihat sebagai kekuatan, bukan sebagai punca perpecahan. Ini menunjukkan bahawa prinsip Islam mampu memupuk suasana sosial yang lebih toleran dan terbuka.

Pelajar yang mengikuti kursus bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni seperti toleransi, hormat-menghormati, dan keterbukaan terhadap kepelbagaian

budaya, agama, dan pandangan dalam kalangan pelajar universiti. *Tasamuh*, atau sikap bertoleransi, memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan berintegrasi. Dalam konteks kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ini, *tasamuh* diamalkan oleh pelajar melalui beberapa cara antaranya pelajar diajar untuk menghormati serta menghargai kepelbagaian adat, budaya dan kepercayaan, dan amalan pelajar lain tanpa diskriminasi. Pelajar disarankan untuk membuka diri untuk mempelajari dan memahami perbezaan budaya dalam suasana yang saling menghormati.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sering menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar universiti mengenai isu-isu sensitif seperti perbezaan agama, pandangan etika, dan falsafah hidup. Dalam konteks ini, nilai *tasamuh* mendorong pelajar untuk menghormati pandangan rakan yang mungkin berbeza pendapat dan bersikap terbuka dalam mendengar serta memahami dari pelbagai perspektif serta memberi ruang kepada semua pelajar untuk bersuara, terutama mereka yang mungkin kurang berani untuk menyatakan pandangan. Selain itu, pelajar juga belajar untuk mengelak daripada perdebatan yang menjurus kepada konflik atau permusuhan, sebaliknya mengutamakan dialog yang membina (Saili et al., 2018).

Pelajar yang menerapkan prinsip *tasammuh* atau toleransi dalam diri dilihat menunjukkan penerimaan yang lebih luas terhadap rakan-rakan dari latar belakang yang berbeza, baik dari segi agama, budaya, mahupun gaya hidup. Mereka cenderung untuk mendengar pandangan yang berbeza dan menghormati kepercayaan dan amalan rakan-rakan mereka yang bukan Islam. Sehubungan itu, prinsip *tasammuh* boleh mengurangkan konflik antara pelajar dari latar belakang

yang berbeza, sekali gus membantu mengekalkan kestabilan sosial di kampus. Pelajar yang mengamalkan toleransi lebih Tuntasnya, nilai-nilai Islam mempunyai potensi yang besar untuk membantu mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. Prinsip seperti persaudaraan, tolong-menolong, dan toleransi memberi panduan yang jelas tentang bagaimana hubungan sosial yang harmoni boleh dibina dalam persekitaran yang pelbagai. Walau bagaimanapun, cabaran seperti polarisasi etnik, pengaruh media sosial, dan prasangka perlu ditangani secara berkesan. Universiti perlu memainkan peranan yang proaktif dalam mempromosikan nilai-nilai Islam ini melalui pelbagai program pendidikan dan aktiviti sosial yang dapat mengukuhkan hubungan sosial di kampus.

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa interaksi dalam kalangan pelajar universiti yang membentuk elemen keakraban, kerjasama dan toleransi merupakan manifestasi kepada nilai-nilai Islam seperti *ukhuwah*, *taawun* dan *tasamuh*. Kesepaduan sosial yang berasaskan nilai-nilai Islam ini bukan sahaja dapat memupuk keharmonian dan kestabilan sosial di kampus, tetapi juga menyumbang kepada perkembangan akademik dan peribadi pelajar. Dengan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian, pelajar dapat membina persekitaran pembelajaran yang lebih harmoni, inklusif, dan produktif, yang mampu mempersiapkan mereka untuk berinteraksi dalam masyarakat yang lebih luas di masa hadapan. Sehubungan itu, kajian ini boleh diperluaskan lagi dengan meneroka program kokurikulum, aktiviti sukan, dan projek komuniti yang dilaksanakan oleh universiti dalam mempromosikan nilai Islam dan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini kerana

lebih mudah untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang pelbagai.

institusi pendidikan, terutamanya universiti, perlu terus memainkan peranan penting dalam mendidik dan memupuk generasi muda yang menghargai keharmonian sosial serta mampu bekerjasama dalam masyarakat yang pelbagai. Sehubungan itu, kesepaduan sosial yang kukuh dapat membawa kepada keamanan dan kestabilan dalam masyarakat. Sebuah masyarakat yang bersatu padu akan lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran luaran dan dalaman.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Universiti Malaysia Terengganu yang telah membiayai penyelidikan ini melalui geran Talent and Publication Enhancement Research Grant (TAPE-RG) bernombor UMT/TAPE-RG/2022/55422 dan sokongan yang diberikan oleh Research Interest Group (RIG7) Agama Bahasa dan Warisan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Ab Rahman, H., Abd Rahman, H., Ahmad, N., Nordin, N. A., Mahmud, N., Shaari, R., dan Abdul Wahab, S. R. (2011). Kajian tinjauan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tahun satu di kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Sains Humanika*, 54(1): 65-76.

Abdullah, S. R., Fazial, F., Mat Hassan, S. H., Yahaya, S., dan Hamid, C. K. (2022). Keberkesanan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam memupuk kesepaduan kaum: Kajian terhadap pelajar

Universiti Teknologi Mara (UiTM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46): 570-582.

Abdul Ghani, R., dan Awang, J. (2020). Tasamuh versus tolerance as practical approach to encounter the conflicting issue. *Akademika*, 90(1): 15-23.

Ahmad, M. A. (2015). Komunikasi dan persepsi hubungan etnik di Universiti Putra Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 12(June): 17-34.

Baharuddin, S. A. (2011). Kesepaduan dalam kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharuddin, S. A. (2013). Masyarakat Malaysia menjelang tahun 2020: Memperkukuh kesepaduan sosial ke arah mencapai matlamat perpaduan nasional. Kertas kerja untuk Seminar Pertemuan Profesor-Profesor anjuran Majlis Universiti Islam Malaysia pada 19-20 Januari 2013.

Baharuddin, S. A. (2014). Perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan: Satu negara, satu akar, tiga konsep keramat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia dan Institut Kajian Etnik.

Embong, A. H., Ghazaly, M. M., Yasin, M. F. M., and Rahman, B. A. (2023). Covid-19 pandemic implications on Quran subjects at primary school in Malaysia: A new solution based on 3t Quranic basic module. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(3): 99-110. <https://doi.org/10.33423/jhetp.v23i3.5842>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Salamun, H., Mutalib, N. A., and Mokhtar, W. K. A. W. (2024).

Contemporary employment jurisprudence: An analysis on the aspects of belief, sharia, and morality. *Revista Juridica*, 2(78): 495–511.

<https://doi.org/10.26668/revistajur.2316-753X.v2i78.6868>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Khairuldin, W. M. K. F. W., Shahrani, S. S., and Karim, M. R. A. (2022). A research design based on the framework of tafseer al-fiqhiy (Quranic juristic commentary). *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 11(2): 391-412. <https://doi.org/10.36941/ajis-2022-0060>

Hanafi, M. H., Norizam, A. S., dan Azmi. I. N. (2024). Membentuk ukhwah dan budaya kerjasama melalui pelaksanaan smart circle (usrah) dalam organisasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65): 259-268.

Ibrahim, M. Y. (2017). *Sembang santai penyelidikan*. Besut: Bandar Ilmu.

Marhaban, H. (2019). Membina ukhuwah Islamiyah berdasarkan petunjuk alQuran. *Jurnal at-Tibyan: Jurnal Ilmu Alqur'an dan Tafsir*, 4(2): 341-355.

Mazlan, N. S., dan Khairuldin, W. M. K. F. W. (2018). The concept of ta'awun in the scientific writing according to Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11): 932-940.

Md Saad, K. (2021). Persepsi pelajar terhadap implimentasi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah and Law (ICONSYAL 2021) pada 6 April 2021.

Mhd Sarif, S., dan Ismail, Y. (2022). Effect of ta'awun (mutual cooperation) and sejahtera leadership on sustaining community engagement. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 2(2): 1-21.

Mohamad Rohana, N. A., P. Rameli, M. F., Nordin, R., dan Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaian dan kesepaduan etnik di Malaysia menurut Islam. *Sains Insani*, 2(2): 88-97.

Mohd Ghazali, N., Mohd, R. A., Hoque, M., dan Abd Manan, M. (2022). Konsep ta'awun dalam pengurusan rumahtangga berdasarkan perspektif hadis. Kertas kerja untuk the 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022): 249-259.

Mohd Said, M. R., dan Yin, T. C. (2012). Tahap hubungan etnik: kajian di kalangan pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), sesi pengajian 2007-2008, semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 6: 59-72.

Muslim, N., Idris, F., Ibrahim, R., Abdul Latiff, R., Yunos, N., Mansor, A. Z., dan Abd Khafidz, H. (2016). Persepsi pelajar UKM terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2): 38-59.

Mutaqin, Z., dan Jamarudin, A. (2023). Religious tasamuh processing applications in the perspective of the Qur'an. *Al-Afkar, Journal for Islamic Studies*, 6(4): 563-576.

Nawawi, T. T. (2023). The role of tasamuh according to Islam in maintaining national

unity and integrity. *Jurnal Info Sains: Informatika dan Sains*, 13(02): 575-581.

Nur Apriyani, Muhammad Yusuf, dan Mardan. (2024). Konsep ukhawah dalam al-Quran. *Jurnal Pendidikan, Sosial dan Humaniora*, 4(2): 77-89.

Portal rasmi Kementerian Perpaduan Negara. Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional (IPNas 2022) diperoleh daripada <https://www.perpaduan.gov.my/>.

Rahman, R., Abdul Malik, M., dan Saleh, N. S. (2023). Kesepaduan masyarakat majmuk di Malaysia: Antara harapan dan realiti. *Human Sustainability Procedia*, 3(1): 1-11.

Saili, S. A., Mohd Hussain, R. B., dan Mat Karim, K. (2018). Dialog antara etnik sebagai platform meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3): 92-103.

Sintang, S., Abdul Hamid, F. A., Samsul, S. S., Prasajo, Z. H., Abang Muis, A. R., dan Ramlie, H. A. (2024). Manifestasi ta'awun NGO Islam dalam menyantuni golongan B40 di Sabah semasa pandemik covid-19. *Global Journal Al-Thaqafah, Special Issue*: 172-191.

Syed Husin, S. N. M., Azahari, R., dan Ab Rahman, A. (2020). The Practice of al-ta'awun in the wedding expenditure of Malay-Muslims in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(2): 1467-1484.